



## SAINS TUMBUHAN

Oleh Nik Hazlina Nik Hussain dan Intan Idiana Hassan

# Kacip Fatimah

## Herba untuk Wanita

Kacip fatimah atau *Labisia pumila* ialah sejenis tumbuhan dalam keluarga Myrsinaceae yang digunakan oleh masyarakat Melayu sejak 400 tahun yang lalu. Penemuan tumbuhan ini lebih awal berbanding dengan pokok berkhasiat yang lain. Kacip fatimah juga lebih dikenali dengan kehebatan khasiatnya dan digunakan dengan meluas oleh banyak wanita.

Di Malaysia, pokok ini dikenali dengan pelbagai nama dalam masyarakat Melayu berdasarkan khasiatnya. Antara nama yang dimaksudkan termasuklah selusuh fatimah, rumput siti fatimah, akar fatimah, pokok pinggang, tadah matahari, bunga belangkas hutan dan

kunci fatimah. Walaupun digelar dengan pelbagai nama, tumbuhan ini lebih popular dengan nama kacip fatimah dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menurut pengamal perubatan tradisional Melayu, panggilan kacip menunjukkan khasiat tumbuhan ini pada wanita. Nama kacip diambil

sempena nama pengacip buah pinang yang membawa kiasan mergetatkan otot faraj (vagina) yang memainkan peranan penting dalam hubungan seks yang dijalin antara suami dengan isteri. Panggilan Fatimah pula diambil sempena nama anak nabi Muhammad SAW, iaitu lambang keunggulan kewanitaan yang disanjung tinggi.

Kelebihan pokok kacip fatimah dalam rawatan kecantikan, sama ada luaran atau dalaman wanita memang tidak asing lagi. Semua bahagian pokok ini mempunyai khasiat yang tersendiri dalam perubatan tradisional Melayu. Daunnya dapat direbus bagi digunakan sebagai air mandian ibu bersalin, sementara batang dan akarnya pula dikeringkan bagi dijadikan jamu dan ubat periuk.

Pokok kacip fatimah ialah sejenis tumbuhan berdahan renek. Dahannya tegak dan berwarna gelap. Pokok ini mempunyai akar yang unik, iaitu akar tunjang yang panjang dan dililiti oleh anak akar yang halus. Malah, anak pokok kacip fatimah dapat tumbuh keluar pada sepanjang akarnya itu.

Pokok kacip fatimah tumbuh secara menegak dengan anggaran ketinggian antara 30 – 50 cm. Pokok ini mempunyai dahan berkayu dan dapat ditemukan dengan dua jenis warna daun yang berbeza-beza, iaitu hijau dan ungu. Setiap pokok kacip fatimah mempunyai antara lima hingga 10 helai daun.



Pokok kacip fatimah tumbuh secara semula jadi dalam kawasan hutan.





Kacip pinang digunakan bagi mengacip atau memotong buah pinang dan dimakan bersama-sama sirih, kapur dan gambir.

Anggaran ukuran panjang daunnya pula adalah antara lima hingga 35 cm dengan lebar antara dua hingga lapan sentimeter. Helaian daun kacip fatimah dipenuhi dengan urat daun dan tidak mempunyai rasa dan bau. Biasanya, pertumbuhan pucuk baharu mengambil masa yang agak lama, iaitu antara 10 – 12 bulan.

Pokok kacip fatimah mempunyai buah pada bahagian pangkal batangnya. Warna buah pokok kacip fatimah hijau ketika muda dan merah setelah matang. Ukuran diameter buah kacip fatimah lebih kurang lima sentimeter. Pokok kacip fatimah juga mempunyai bunga yang bersaiz sangat kecil dan tersusun pada satu jambak yang berukuran antara enam hingga 30 cm panjang. Bunga ini ada dalam pelbagai warna, seperti ungu dan merah jambu. Namun demikian, keseluruhan ciri pokok amat bergantung pada jenis (variasi) pokok kacip fatimah.

Menurut pengamal perubatan tradisional Melayu, pokok kacip fatimah terdiri daripada pelbagai jenis berdasarkan bentuk dan warna daunnya. Namun demikian, hasil kajian taksonomi botani setakat ini

**Ada tiga jenis pokok kacip fatimah yang dapat dikategorikan berdasarkan ciri yang ada pada tangkai dan bentuk daunnya.**

menunjukkan bahawa ada tiga jenis pokok kacip fatimah yang biasa ditemukan di Malaysia, iaitu *Labisia pumila varian alata*, *Labisia pumila varian pumila* dan *Labisia pumila varian lanceolata*.

Biasanya pengecaman tumbuhan ini dilakukan berdasarkan sifat pertumbuhan dan struktur, warna serta bentuk bunga, buah dan daunnya. Walau bagaimanapun, proses pengecaman antara *varian pumila* dengan *varian alata* amat sukar kerana tiada ciri perbezaan yang ketara.

Bagi pengumpul tumbuhan ubatan, pengecaman biasanya dilakukan berdasarkan pengalaman. Selain itu, dalam kalangan ahli sains ada juga yang mengecam dan mengenal pasti pokok ini berdasarkan prosedur taksonomi yang ditentukan, iaitu sampel yang dikumpulkan dibandingkan dengan spesimen yang disimpan dalam koleksi mereka dan dirujuk pada pakar herba yang bertauliah. Ada tiga jenis pokok kacip fatimah yang dapat dikategorikan berdasarkan ciri yang ada pada tangkai dan bentuk daunnya, iaitu *Labisia pumila varian alata*, *Labisia pumila varian pumila* dan *Labisia pumila varian lanceolata*.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, ada perbezaan ciri antara setiap jenis pokok kacip fatimah. Hal ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, iaitu sekitaran, genetik dan usia pokok. Penelitian dari aspek warna daun

mendapati bahawa warna ungu atau hijau yang ditemukan disebabkan oleh kehadiran pigmen di dalam daunnya. Pigmen ini berfungsi menyerap cahaya matahari ketika proses fotosintesis.

Oleh sebab itu, kewujudan pigmen yang memberikan warna pada daun amat dipengaruhi oleh kadar penyerapan cahaya oleh daun. Hal ini bermakna, daun pokok kacip fatimah yang pada mulanya berwarna ungu dapat bertukar kepada warna hijau apabila mendapat pancaran cahaya matahari yang banyak.

Menurut pengamal perubatan tradisional pula, mereka sememangnya mencari daun kacip fatimah yang berwarna hijau kerana dipercayai daun itu mempunyai khasiat yang lebih tinggi berbanding dengan daun yang berwarna lain.

Pokok kacip fatimah mempunyai ciri pertumbuhan yang unik berbanding dengan tumbuhan berkhasiat dan tumbuhan herba yang lain. Keunikan ciri ini menyebabkan pokok ini sukar diperoleh dalam bentuk asalnya oleh

pengguna kacip fatimah. Oleh sebab itu, pengguna mengambil langkah mudah dengan membeli produk yang dikomersialkan oleh pihak industri.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik seawal tahun 1988, pokok kacip fatimah tumbuh di Malaysia, Thailand dan Indochina. Walau bagaimanapun, taburan pertumbuhannya banyak ada

tanah rendah serta kawasan hutan bukit pada ketinggian lebih kurang 46 m (150 ka) dari aras laut. Kesesuaian ini disebabkan oleh keadaan yang redup, lembap serta mempunyai kandungan humus yang tinggi dan tidak menakut air.

Pengamal perubatan tradisional menggelar pokok kacip fatimah dengan nama pokok manja kerana amat sensitif

Jadual 1 Ciri pokok kacip fatimah.

Jenis	Tangkai	Daun
<i>L. pumila varian alata</i>	Pendek (2 – 8 cm)	Bersayap lebar
<i>L. pumila varian pumila</i>	Pendek (2 – 8 cm)	Bersayap halus
<i>L. pumila varian lanceolata</i>	Panjang (5 – 13 cm)	Tanpa sayap

di Malaysia. Faktor ini sejajar dengan taburan Hutan Hujan Tropika yang melitupi kebanyakan negeri di Malaysia.

Pokok kacip fatimah paling banyak ditemukan di Malaysia berbanding dengan negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia mempunyai Hutan Hujan Tropika yang sentiasa lembap dan panas sepanjang tahun. Pokok ini sesuai tumbuh di kawasan


terhadap cahaya matahari. Mereka memperoleh bekalan kacip fatimah daripada orang asli atau orang yang tinggal berdekatan dengan hutan.

Menurut Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), pokok kacip fatimah dapat tumbuh secara semula jadi dalam sekitaran antara 50 – 60 peratus dinaungi atau dikelilingi oleh pokok yang berbentuk seakan-akan kanopi.

Pokok kacip fatimah mati, jika berada di bawah pancaran matahari yang kuat dan tidak sesuai hidup di kawasan yang ada takungan air. Ciri inilah yang menyebabkan ada pengamal perubatan tradisional yang menggelarnya sebagai pokok tahan matahari.

Walaupun tumbuh secara semula jadi, pokok kacip fatimah sukar diperoleh di hutan. Tambahan pula, nilai komersialnya yang makin meningkat menyebabkan ada pengamal dan pengguna yang menanam di halaman rumah masing-masing. Walau bagaimanapun, cara penanaman ini tidak popular kerana pokok yang ditanam sendiri, lazimnya tidak dapat membesar dan subur sebagaimana pokok yang tumbuh secara semula jadi di hutan.

Berikut itu, kebanyakan pengamal perubatan tradisional Melayu memilih cara untuk memperolehnya secara semula jadi di hutan berbanding dengan menanamnya sendiri. Mereka



Pokok kacip fatimah banyak ditemukan di hutan hujan tropika.



Penanaman kacip fatimah di ladang secara ex-situ.

juga percaya bahawa pokok kacip fatimah yang tumbuh liar secara semula jadi lebih berkhasiat berbanding dengan yang ditanam sendiri, lebih-lebih lagi, jika dibajai dengan bahan kimia.

Perkataan *in-situ* dalam bahasa Latin bermaksud di dalam yang merujuk bentuk penanaman di bawah

Perkataan *ex-situ* dalam bahasa Latin bermaksud di luar yang merujuk pemuliharaan dilakukan di luar sekitaran semula jadinya dan di bawah lindungan dalam sekitaran terkawal. Contohnya, taman etnobotani, seperti taman botani, di Gua Musang, Kelantan, Perlis dan Terengganu.

Jadual 2 Perbandingan tempoh matang antara pokok kacip fatimah dengan beberapa tanaman berkhasiat yang lain.

Tanaman	Tempoh Matang	Kaedah Penuaan
Kacip fatimah	10 – 12 bulan selepas penanaman	Cabut keseluruhan pokok, termasuklah akar
Mas coteh	8 – 10 bulan selepas penanaman	Tuai ranting daun
Hempedu bumi	8–10 minggu selepas penanaman	Tuai bahagian atas pokok apabila mula berbunga
Misai kucing	10–12 minggu selepas penanaman	Tuai ranting setiap dua minggu

lindungan hutan dalam sekitaran semula jadinya. Projek penanaman *in-situ* ialah suatu usaha pemuliharaan tumbuhan, seperti pokok kacip fatimah. Projek penanaman ini dilaksanakan di hutan simpan Taman Negara Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Malah, tempat ini merupakan tempat penanaman semula pokok kacip fatimah.

Ada juga taman etnobotani yang diusahakan oleh institusi penyelidikan, seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan taman yang ditubuhkan di bawah seliaan kerajaan

negeri. Taman herba di Pulau Sah Kecil di Tasik Kenyir merupakan taman yang diusahakan oleh FRIM.

Taman herba ini seluas 15.84 hektar dan ditanam dengan 200 jenis tumbuhan berkhasiat. Antaranya termasuklah tongkat ali, kacip fatimah, misai kucing dan mas coteh.

Taman herba menjadi tumpuan pengkaji dan pelancong yang berhasrat mendapatkan maklumat tumbuhan herba yang menjadi khazanah negara Malaysia. Jangka masa pertumbuhan tanaman kacip fatimah dapat dikategorikan antara tanaman yang terpanjang tempoh matangnya berbanding dengan tanaman yang lain.

Pokok kacip fatimah ini dapat dibiakkan menerusi tiga kaedah, iaitu secara semaihan biji benih, keratan batang dan keratan tangai daun atau keratan daunnya.

Walaupun produk atau hasil tanaman kacip fatimah mendapat sambutan pasaran yang meluas, hakikatnya penyelidikan yang dilakukan dari aspek komersial jelas menunjukkan bahawa penanaman kacip fatimah masih kurang.

Senario ini menyebabkan banyak pengusaha mendapatkan bahan mentah pokok kacip fatimah daripada habitat semula jadi hutan atau diimport dari negara lain. Oleh sebab itu, penanaman pokok kacip fatimah perlu

digiatkan demi memastikan pokok ini tidak pupus dan masih mengekalkan kualiti yang tinggi tanpa menggunakan bahan kimia. Di samping itu, penghasilan yang berterusan dan sistematis mampu memenuhi permintaan industri tempatan. ☒

Penulis Penyelaras Unit Perkembangan Kesihatan Wanita (Pakar Obstetrik & Ginekologi), Pusat Pengajian Sains Perubatan USM dan Pensyarah Kanan Kejururawatan, Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM.